

## **PERKEMBANGAN PEMIKIRAN MORAL MELALUI TEATER FORUM: SATU KAJIAN TINDAKAN**

### **THE DEVELOPMENT OF MORAL THINKING THROUGH THEATER FORUM: AN ACTION RESEARCH**

**Nadarajan Thambu<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Senior Lecture, Sultan Idris Education University, Tanjung Malim, Perak, Malaysia.  
Email : [nada@fsk.upsi.edu.my](mailto:nada@fsk.upsi.edu.my)

#### **Abstract**

The development of moral thinking is one of the aims of Moral Education Curriculum in Malaysia. Mastery in moral thinking skills which embodied in the moral dimension is essential to produce a fully human. This article discusses the use of Forum Theatre in moral education class in secondary schools. The involvement of students in four steps such as; develop a script, *anti-model* play, forum session and intervention play also discussed. This study was conducted using action research design. A total of 18 participants involved in this study. Focus group interview technique, observation and journal entries used to collect data. Data were analyzed using thematic analysis method. The findings indicated that Forum Theatre techniques were able to develop moral thinking among form four students.

**Keywords:** Moral Thinking; Technique; Moral Education; Forum Theatre; Anti-model Play; Intervention Play.

#### **Abstrak**

Perkembangan aspek pemikiran moral menjadi salah satu matlamat kurikulum Pendidikan Moral di Malaysia. Penguasaan elemen pemikiran moral yang merupakan salah satu elemen kemahiran yang terangkum dalam dimensi moral penting untuk melahirkan insan yang sepenuhnya manusia. Artikel ini membincangkan penggunaan Teater Forum dalam mengembangkan pemikiran moral murid sekolah menengah. Murid kelas Pendidikan Moral telah dilibatkan dalam keempat-empat langkah Teater Forum seperti mengembangkan skrip, lakonan anti-model, sesi forum dan lakonan intervensi. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kajian tindakan. Seramai 18 orang peserta terlibat dalam kajian. Teknik temu bual kumpulan berfokus, pemerhatian dan catatan jurnal digunakan untuk mengumpul data. Data dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tema. Dapatkan kajian menunjukkan teknik Teater Forum mampu mengembangkan pemikiran moral dalam kalangan murid tingkatan empat.

**Kata kunci:** pemikiran moral; teknik; Pendidikan Moral; Teater Forum; lakonan anti-model; lakonan intervensi.

## Pengenalan

Kementerian telah mengenal pasti sebelas anjakan yang perlu dilakukan bagi mentransformasikan sistem pendidikan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Anjakan ke-3 dalam transformasi ini ialah untuk melahirkan rakyat Malaysia dengan penghayatan nilai. Usaha ini cuba direalisasikan dengan mengukuhkan pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Moral. Pendidikan Moral di Malaysia diajar sebagai satu mata pelajaran teras (di peringkat sekolah rendah dan menengah) untuk pelajar bukan beragama Islam seperti pelajar Cina, India, Orang Asli, Iban serta Kadazandusun (Chang<sup>1</sup>, 1998; Vishalache<sup>2</sup>, 2011). Mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah memberi tumpuan kepada usaha memupuk kekuatan kerohanian dan dimensi moral murid melalui penghayatan dan amalan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia yang terdapat dalam agama, tradisi dan adat resam pelbagai kaum di negara ini (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM, 2000)<sup>3</sup>.

Program Pendidikan Moral yang mempunyai matlamat dan objektif yang khusus ini juga mendukung rangka konsepsi yang tersendiri. Pengajaran nilai di sekolah diharapkan berfokus kepada Model Insan Menyeluruh yang meliputi tiga aspek moral yang saling berkaitan iaitu pemikiran moral, perasaan moral dan tindakan moral. Rujuk Lampiran A, yang menunjukkan Model Insan Menyeluruh. Ketiga-tiga elemen ini terangkum dalam dimensi moral (Wong, et al., 2011)<sup>4</sup>. Hal ini bermaksud, perkembangan elemen pemikiran moral yang merupakan salah satu elemen penting dalam dimensi moral amat dituntut dalam melahirkan murid yang memiliki perwatakan positif untuk menjadi *fully human* (Lickona, 1996, p. 93)<sup>5</sup>.

Perkembangan moral yang meliputi ketiga-tiga elemen ini akan menyubur dan merangsang lagi kesedaran hati nurani seseorang insan. Aspek kesedaran hati nurani tidak patut diabaikan dalam program Pendidikan Moral di sekolah kerana unsur ini yang berfungsi menyepadukan ketiga-tiga elemen dalam dimensi moral untuk menjadikan murid sepenuhnya manusia (Freire, 1972)<sup>6</sup>. Jelasnya elemen pemikiran moral perlu dikembangkan secara seiring dan selaras dengan perkembangan elemen perasaan moral dan tindakan moral untuk membolehkan seseorang murid mencapai tahap kematangan moral (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM, 2000)<sup>3</sup>. Murid yang mempunyai tahap kematangan moral pula menjadi tonggak pembentukan masyarakat bermoral (Lickona, 1996)<sup>5</sup>.

Menurut Chang (2003)<sup>1</sup>, pemikiran moral ialah atas penaakulan moral. Penaakulan ialah satu proses yang mana seseorang individu mengembangkan kebolehannya untuk membuat pertimbangan dengan sendiri tanpa dipengaruhi oleh perasaannya atau pandangan orang lain dalam sesuatu situasi. Dalam hubungan ini, mereka boleh mengenal pasti sesuatu situasi yang melibatkan isu moral. Selain itu mereka juga dapat menimbang sesuatu situasi atau isu moral daripada perspektif orang lain. Akhirnya seseorang yang memiliki penaakulan moral juga

---

berupaya untuk menyelesaikan isu atau situasi yang melibatkan isu moral secara objektif berasaskan prinsip moral yang asas. Ternyata, pemikiran moral menjadi faktor penting untuk proses penaakulan moral.

Dalam sistem pengajaran konvensional, menurut Freire (1972)<sup>6</sup>, tidak ada satu perantaraan atau medium yang boleh menimbulkan refleksi yang kritis dalam kalangan murid. Pengajaran yang bersifat sehalo, pasif, monolog (guru sahaja yang bersuara) dan hubungan guru-murid yang autokratik telah menjadi satu “penindasan” dalam sistem pendidikan dan akhirnya telah “menyahkan” kemanusiaan, kebebasan, moral, kreativiti dan kesedaran kritis murid. Walhal, elemen kemahiran pemikiran kritis dalam kalangan murid penting kerana murid ialah agen moral yang harus berfikir dan mempertimbangkan sesuatu isu moral secara kritis sebelum mengambil sesuatu tindakan dan keputusan yang bermoral.

Maka satu bentuk pengajaran yang bersifat “*dialogic education*” yang mengutamakan komunikasi dua hala antara guru dan murid dan berbentuk “*problem-posing*” (peranan guru sebagai pemudah cara dan pelajar sebagai insan yang aktif) dituntut. Dalam pendekatan ini murid akan dididik dengan peristiwa atau perkara yang berkaitan dengan iklim kehidupan sebenar dengan bahasa, dialog, lakonan, situasi dan konflik moral yang dihadapi dalam kehidupan harian mereka. Hal ini akan meningkatkan keberkesanannya pembelajaran murid.

Menurut Roche (2011)<sup>7</sup>, pengajaran yang bersifat didaktik atau naratif telah melahirkan pelajar-pelajar yang pasif. Pengajaran yang didaktik pula tidak menggalakkan pemikiran kritis. Walhal, pemikiran kritis ialah satu unsur penting dalam proses penaakulan moral. Oleh itu beliau mencadangkan perlunya pedagogi Pendidikan Moral yang lebih kritis dan mementingkan dialog untuk melahirkan pelajar yang aktif. Oleh itu, teknik Teater Forum yang mampu memberikan latihan bersiri dan pengalaman moral secara langsung di dalam kelas telah digunakan sebagai pedagogi pendidikan moral dalam kajian ini.

Dalam pendekatan ini, murid dihargai sebagai insan yang mempunyai kesedaran dan keinsafan yang penuh untuk berubah dari aspek pemikiran, perasaan dan tindakan. Tujuan pengajaran bukan untuk membimbang murid menghafal fakta dan isi kandungan moral secara mekanikal tetapi melibatkan mereka dalam proses inkuiri, dialog, realiti kehidupan sebenar, keinsafan, ilmu, kreativiti, kesedaran dan transformasi dalam bentuk tingkah laku (Kincheloe, 2008)<sup>8</sup>. Boal (2006)<sup>9</sup>, mendakwa Teater Forum menjadi teknik bermakna untuk mencetuskan kesedaran dan tindakan sosial. Oleh itu dimensi moral, khususnya pemikiran moral yang wujud dalam rangka konsepsi Program Pendidikan Moral dapat diterjemahkan dan dipraktikkan dalam realiti di bilik darjah melalui teknik Teater Forum.

Secara khusus artikel ini membincangkan penggunaan Teater Forum sebagai teknik pengajaran Pendidikan Moral dalam membangunkan murid secara menyeluruh dari aspek kognitif iaitu pemikiran moral.

## Prosedur Kajian Tindakan

### Gelung 1

Dalam fasa I penyelidik telah memperkenalkan Teater Forum sebagai teknik pengajaran di dalam kelas Pendidikan Moral. Dalam fasa II, peserta kajian telah menghasilkan skrip A (konflik di antara seorang pengguna jalan raya dan pegawai polis) dan skrip ini telah dipersembahkan dalam bentuk lakonan anti-model. Setelah lakonan anti-model selesai, sesi forum telah dikendalikan oleh Joker. Selepas forum, lakonan anti-model dipersembahkan untuk kali yang kedua dan sesi intervensi telah dilaksanakan oleh para “spect-actors”. Idea-idea yang dibincangkan dalam sesi forum digunakan sebagai alternatif penyelesaian kepada masalah dalam sesi intervensi.

Segala proses dalam fasa II, telah diperhatikan dan data dikumpul untuk tujuan refleksi (fasa III dan IV). Data tadi telah dianalisis untuk mempertimbangkan kekuatan, kelemahan dan kelebihan Teater Forum dalam mengembangkan aspek dimensi moral peserta. Kelemahan teknik Teater Forum yang dikenal pasti telah dibaiki untuk dilaksanakan sebagai pelan tindakan yang ditambah baik dalam gelung 2.

### Gelung 2

Fasa merancang dalam gelung ke-2 dimulakan dengan pelan tindakan Teater Forum yang ditambah baik. Dalam fasa melaksana pula, skrip C (konflik di antara guru dan murid yang berlaku di premis sekolah) telah ditulis dan dilakonkan sebagai lakonan anti-model. Setelah selesai sesi forum, sesi intervensi telah dilaksanakan dengan menggunakan idea penyelesaian bagi mengatasi masalah yang diutarakan dalam lakonan anti-model. Proses pengumpulan data dan refleksi dilaksanakan seperti dalam gelung 1.

### Gelung 3

Segala proses merancang, melaksana, memerhati, merefleksi dan mengutip data dalam gelung 1 dan gelung 2 diteruskan dalam gelung 3. Skrip E (konflik di antara anak dan ibu bapa dalam keluarga) digunakan sebagai lakonan anti-model. Selepas sesi forum dan intervensi, data telah dikutip. Semua data daripada gelung 1 hingga gelung 3 dianalisis untuk menjawab soalan kajian. Rujuk Lampiran B.

## Analisis Dan Dapatan Kajian

Proses pemikiran yang munasabah dan logik merupakan satu unsur penting dalam perkembangan aspek penaakulan moral individu (Abdul Rahman & Chang, 1994)<sup>10</sup>. Dalam konteks moral, individu tidak boleh membuat sesuatu keputusan yang bermoral tanpa berfikir. Dapatan kajian menunjukkan, aktiviti Teater forum seperti penulisan skrip, lakonan anti-model dan sesi forum dapat mencetuskan pemikiran moral yang munasabah dalam kalangan peserta.

(Rujuk Lampiran C). Ciri-ciri seperti kerasionalan, pentafsiran dan pemikiran tentang pentingnya tingkah laku moral yang terkawal sebelum bertindak, sebenarnya telah membentuk pemikiran moral yang munasabah dalam kalangan peserta kajian.

### **Gelung 1**

Hasil temu bual yang dijalankan dalam Gelung 1, (skrip A dan B), menunjukkan peserta dapat berfikir secara munasabah dalam mengenal pasti situasi yang melibatkan isu moral. Mereka mampu membuat pentafsiran tentang tindakan yang dianggap bermoral dan tindakan yang tidak bermoral yang dipaparkan melalui lakonan anti-model (skrip A) dan intervensi (skrip B). Rata-ratanya peserta kajian terlibat dalam proses seperti mengetahui, memikir dan membuat keputusan berdasarkan situasi dan konflik yang dipaparkan melalui teknik Teater Forum. Mereka menunjukkan dengan rasional perkara yang baik, patut dan perlu dilaksanakan dalam menghadapi situasi yang menunjukkan dilema moral.

Dalam menangani konflik yang wujud di antara watak Wilson (watak cereka) dan watak pegawai polis (watak cereka), murid-murid memberikan respons yang positif dalam menyatakan perkara yang patut dilaksanakan dan yang harus dielakkan. Petikan temu bual di bawah menunjukkan pemikiran moral yang dipaparkan oleh mereka.

Pelajar 1: Dalam lakonan anti-model macam ada masalah yang belum selesai.. biasa berlaku dalam hidup. Jika dibiarkan boleh membawa kepada masalah seperti gaduh besar...Contohnya polis gaduh dengan Wilson. Lepas itu dalam lakonan intervensi... kita ubah keadaan ini,... polis jadi baik, bercakap dengan sopan,.... dan Wilson pun berubah jadi baik...dia minta maaf dengan polis.

Penyelidik: Apa kesan perubahan ini?

Pelajar 2: Kesannya,, dalam kehidupan jika kedua-dua orang kena jadi baik supaya tak berlaku pergaduhan....mereka perlu ada nilai-nilai baik...ah nilai moral.

[mes/z010/temkumfokus/gelu1/5.2.13]

Pengakuan peserta kajian dalam dialog di atas, menunjukkan mereka memberikan pentafsiran di sebalik keputusan yang dibuat bahawa, jika setiap manusia memiliki nilai-nilai moral, gejala negatif seperti persengketaan sesama individu dapat dielakkan. Mereka juga menunjukkan pemikiran tentang kepentingan individu memiliki sifat-sifat yang luhur demi kehidupan yang harmoni.

Analisis catatan jurnal dalam Gelung 1, juga menunjukkan keupayaan peserta dalam membuat pentafsiran tentang tindakan yang dianggap bermoral dan tidak bermoral. Peserta bersetuju dengan pemikiran bahawa manusia perlu mengamalkan tingkah laku moral yang baik demi mengelakkan ketegangan atau konflik dalam hubungan sesama mereka. Catatan jurnal di bawah menunjukkan pengakuan peserta yang terlibat dalam lakonan anti-model.

“saya mempelajari bahawa semua gejala negatif tidak membawa sebarang manfaat dan tidak wajar diperlakukan dalam kehidupan harian. Contohnya, dalam lakonan anti-model, sikap Wilson yang marah polis menyebabkan polis juga marah dan mahu lebihkan saman kepada Wilson. Ini tidak betul”

[mes/Jur/gel 1/6.2.13]

Pemerhatian (rakan kolaborasi penyelidik) dalam gelung 1 (skrip B) menunjukkan, peserta (spect-actor) dapat memaparkan pemikiran moral yang menjurus kepada sifat-sifat murni seperti adil, bertanggungjawab dan bersopan santun melalui lakonan intervensi mereka. Salah seorang pemerhati menyatakan:

“pemikiran tentang tugas seorang anggota polis yang bertanggungjawab dan bersopan santun dengan pengguna jalan raya digambarkan dengan baik dalam lakonan intervensi. Peserta yang melakonkan watak pegawai polis tahu bagaimana harus menegur pesalah jalan raya, dengan suara yang sopan”

[smktpg /propemer/gel 1/shah aiza/30.1.2013]

Selain membuat pentafsiran moral, peserta kajian juga menyokong tingkah laku yang berdasarkan peraturan-peraturan atau prinsip-prinsip yang diterima secara rasional. Dalam konteks ini, peserta mengaku secara rasional bahawa mereka memahami tugas anggota polis yang senantiasa memastikan peraturan jalan raya dipatuhi oleh semua pengguna jalan raya demi keselamatan mereka. Hal ini dibuktikan melalui temu bual di bawah:

Pelajar 6: Ya, kita perlu saling tolong-menolong seperti aur dengan tebing. Polis tolong Wilson dan Wilson harus terima hukuman saman yang diberikan oleh polis...kerana..polis jalankan tanggungjawabnya..untuk menjaga keselamatan jalan raya..

[smkbtg/z009/temkumfokus/gel 1/24.1.13]

Peserta juga rasional dalam mengakui bahawa, sebagai pengguna jalan raya seseorang yang bersalah perlu menerima hukuman dan akur dengan hukuman yang diterima. Pemikiran bahawa mematuhi arahan dan menerima hukuman daripada kesalahan melanggar undang-undang dianggap sebagai pemikiran bermoral. Hal ini dibuktikan dalam catatan jurnal berikut:

“Penglibatan saya dalam lakonan anti-model, telah mengajar saya apakah akibatnya jika saya tidak mematuhi peraturan jalan raya dan melanggar undang-undang *road block*.. Polis saman saya sebab saya tak bawa lesen... Keadaan macam ini perlu dielakkan dalam hidup saya”

[smkbtgJur/gel1 /23.1.13]

Selain itu, salah seorang pemerhati memberikan komen bahawa:

“pemikiran yang dibawa dalam lakonan intervensi ini ialah, perlunya manusia mengamalkan sikap moral dalam apa juar keadaan. Sebagai contoh dalam lakonan

intervensi, pelakon yang memegang watak Polis dan Wilson dapat menunjukkan sikap saling faham-memahami antara satu sama lain. Wilson misalnya tidak marah dengan tindakan polis yang saman dia, kerana Wilson faham itu adalah kesalahannya”.

[smkbtg /protopemer/gel 1/ros/22.1.13)

Dalam pada itu, peserta kajian menunjukkan pemikiran tentang kepentingan mengawal tingkah laku seseorang berdasarkan piawaian peraturan seperti yang telah ditentukan atau yang diterima oleh masyarakat. Sikap memahami sesuatu keadaan terlebih dahulu sebelum bertindak dan mengamalkan tingkah laku yang sesuai dengan nilai masyarakat untuk mengelakkan perselisihan faham, juga dinyatakan. Dalam sesi temu bual misalnya, salah sebuah kumpulan menyatakan:

Pelajar 5: Hmm....Macam kalau kita marah.... orang lain juga marah. Kita faham...kita perlu fikir dahulu sebelum bercakap..... gunakan bahasa yang baik...dan tunjukkan perlakuan yang baik.... supaya tidak timbul masalah. Macam dalam intervensi ...Wilson terima saman yang diberi oleh polis kerana...polis bercakap dengan baik...

[smktpg/z008/temkumfokus/gel 1/31.1.13]

Analisis catatan jurnal dalam gelung 1 (skrip A) juga menunjukkan, perlunya seseorang mengawal tingkah laku agar sejajar dengan peraturan yang diterima oleh masyarakat. Salah seorang peserta mencatatkan:

“ saya faham saya tidak harus melakukan kegiatan yang tidak berfaedah seperti naik angin (marah) dengan cepat..... kerana, jika kita marah orang lain juga akan marah kita. Dalam lakonan anti-model, macam mula-mula polis marah saya dan selepas itu saya marah polis...Orang tak suka kepada pemarah. So....jangan marah orang!.

[smktpg/Jur/gel 1/3.2.13]

Pada masa yang sama, analisis data pemerhatian juga menunjukkan sikap peserta kajian yang menunjukkan pemikiran moral yang munasabah. Ketiga-tiga orang pemerhati menyatakan, pemikiran moral murid dilihat melalui lakonan anti-model (skrip A) dan intervensi (skrip B) mereka. Salah seorang pemerhati, memberikan komen bahawa, peserta kajian (spect-actor), dapat menunjukkan perlunya pemikiran moral yang sihat apabila berhadapan dengan masalah atau konflik di jalan raya. Pengguna jalan raya secara jujur menyatakan dia (watak Wilson) terlupa membawa lesen memandu dan menerima saman yang dikeluarkan oleh polis (watak cereka) tanpa sebarang bantahan. Hal ini jelas menunjukkan pemikiran moral watak tersebut.

[mes /protopemer/gel 1/yoka/4.2.2013]

Justeru, analisis dapatan daripada ketiga-tiga sumber dalam Gelung 1, menunjukkan peserta kajian mempunyai pemikiran moral yang munasabah. Mereka memperlihatkan pemikiran ini melalui pentafsiran terhadap situasi yang melibatkan dilema moral, tingkah laku yang

terkawal berdasarkan rasional akal, dan pemikiran tentang tingkah laku yang diterima oleh masyarakat.

## Gelung 2

Dapatan kajian Gelung 2, berdasarkan lakonan skrip C dan skrip D. Hasil temu bual dalam gelung 2, mengukuhkan tema tentang pemikiran moral munasabah peserta kajian. Peserta kajian dapat membuat tafsiran tentang kepentingan sikap dan nilai dalam kehidupan seseorang individu. Mereka dapat membezakan tindakan yang negatif (dalam lakonan anti-model-skrip C) dengan tindakan yang positif (lakonan intervensi-skrip D). Petikan temu bual di bawah menjadi bukti pengakuan mereka bahawa:

Pelajar 1: :Pelajar perlu berfikir dan elakkan tingkah laku negatif seperti, watak Tan, yang tidak hormati guru, dan dia yang menuduh guru kelas yang melaporkan kesalahan dan sebagainya. Tingkah laku Tan yang minta maaf atas kesalahannya...itu baik...itu perlu diikuti semua pelajar..

[smktpg/z017/temkumfokus/gel 2/ 22.2.13]

Pelajar 6: ...Berguna....kalau kita ada nilai baik orang akan ‘respect’ ...kalau kita tak ada nilai,... orang tak akan respect kita.. ini moral yang perlu kita tahu dalam kehidupan. Kalau tak ada nilai orang memandang rendah diri kita,.... boleh berlaku konflik macam guru sukan dan pelajar yang bernama Amri, dalam lakonan anti-model

[smkbtg/z012/temkumfokus/gel 2/28. 2.13]

Temu bual di atas menunjukkan tafsiran pelajar yang mahu anggota masyarakat untuk meninggalkan tingkah laku negatif dan mengamalkan tingkah laku yang positif. Manakala orang yang tidak memiliki nilai moral pula dipandang rendah dan disisihkan serta tidak dihormati oleh masyarakat. Murid-murid mengaku sikap sabar dan mendengar alasan dengan penuh prihatin juga adalah sikap positif yang perlu ada pada watak guru. Analisis catatan jurnal dalam gelung 2, juga menyokong pemikiran positif yang dimiliki oleh murid.

“Sebagai watak guru saya perlu lebih bersabar, dan mendengar alasan pelajar dengan tenang dan adil sebelum berikan hukuman...” ”

[smkbtg/Jur/gel 2/28.2.13]

Fenomena yang sama juga dapat diperhatikan oleh rakan kolaborasi dalam sesi forum dan lakonan intervensi (skrip D), yang dipersembahkan oleh murid dalam gelung ke-2 kajian tindakan ini. Menurut seorang pemerhati (dalam sesi forum) murid ada menyuarakan pendapatnya bahawa seseorang guru perlu sabar dan bertimbang rasa dengan pelajar. Murid tersebut memberikan cadangan bahawa watak seseorang guru juga perlu tenang, prihatin dan harus menunjukkan sikap dan nilai-nilai moral yang baik terhadap pelajar yang bernama Amri

[smkbtg/propotemer/ gel 2/ros /26.2.2013]

Pemerhatian dalam lakonan intervensi pula membuktikan, para pelakon menunjukkan perlunya sikap ramah mesra kepada pelajar dan juga kepada guru. Sikap guru yang perlu prihatin kepada masalah yang dihadapi oleh pelajar dan tugas guru sebagai orang yang perlu memberikan sokongan moral kepada anak murid yang mahu teruskan latihan dalam pasukan sekolah dapat dilakukan dengan baik. Pelajar yang memegang watak guru dapat menunjukkan sikap prihatin dengan cara mendengar alasan pelajar dengan penuh prihatin.

[smkbtg/ protopemer/ gel 2/ros /26.2.2013]

Triangulasi ketiga-tiga sumber menunjukkan pemikiran munasabah murid yang mampu memberikan cadangan, kritikan dan pertimbangan tentang perlunya guru bertindak sebagai agen moral dalam masyarakat sekolah. Dapatkan ini menunjukkan pelajar mampu membuat pentafsiran moral dengan menentukan sikap yang patut ada pada seorang guru untuk menjadi insan yang bermoral.

Selain itu, peserta juga cenderung memberikan sebab-musabab tentang kepentingan bertingkah laku sejajar dengan peraturan-peraturan yang difikirkan sesuai dan rasional. Peserta kajian mengaku lakonan anti-model (skrip C), telah merangsang pemikiran mereka untuk mempertimbangkan sifat-sifat diri dan sikap yang harus dimiliki oleh individu dan watak-watak cereka dalam menangani sesuatu situasi yang wujud. Berikut ialah petikan temu bual yang menjadi bukti kenyataan mereka:

Pelajar 3: Teater lakonan.. boleh bentuk pemikiran kita. Dalam lakonan.. kita kena fikir dan buat kebaikan kepada orang lain....kita dapat lihat realiti dalam lakonan...dan kita ambil keputusan untuk bertindak 'on the spot' ( secara spontan)...ini melibatkan otak kita.....macam kita lihat cikgu Man ada berfikir dan menunjukkan sikap baik hati untuk membantu Rosdi...

[mes/z013/temkumfokus/gel 2/12.3.13]

Pemikiran daripada temu bual di atas, menerangkan pentingnya manusia menunjukkan tingkah laku yang boleh diterima oleh akal, berperaturan, dan sentiasa mendasari lunas-lunas moral. Hal ini dianggap penting atas rasional individu yang bermoral mudah diterima sebagai anggota masyarakat. Dapatkan kajian juga disokong oleh, bukti catatan jurnal murid. Berikut ialah respon seorang peserta:

"Melalui lakonan intervensi saya faham, saya perlu berfikir secara positif, mengelakkan diri saya daripada melakukan perkara yang tidak bermoral seperti kurang ajar dengan cikgu. Saya perlu menolong kawan yang susah di sekolah, .....hormati guru sampai bila-bila masa pun

[mes/ Jur/gel 2/15.3.13]

Pemerhatian dalam, sesi forum dan lakonan intervensi menyokong dapatan temu bual dan catatan jurnal bahawa, tingkah laku seseorang perlu seiring dengan pemikiran rasional mereka.

Berikut ialah komen seorang pemerhati tentang sesi forum. Dalam sesi forum peserta (spectator) ada memberikan cadangan bahawa, guru-guru di sekolah perlu sentiasa peka dan bertanggungjawab atas semua masalah yang berlaku di sekolah. Berdasarkan lakonan anti-model (situasi di kantin sekolah), peserta kajian menyatakan guru tidak boleh terlalu ‘pilih kasih’ dan berfikir panjang, untuk menolong murid yang terlibat dalam kemalangan. Mereka menambah lagi bahawa, walaupun jurulatih tiada, guru lain seperti watak cikgu Man boleh menolong murid (watak cereka) bernama Rosdi.

[mes/ protopemer/ gel 2/yokam/11.3.2013]

Manakala pemerhatian dalam lakonan intervensi pula menunjukkan peserta kajian dapat memaparkan sikap (watak cikgu Man) yang menyayangi murid dengan cara terus bergegas ke tempat kejadian itu. Watak Rosdi yang patah kaki telah diuruskan oleh watak cikgu dengan cekap dan dalam kadar yang segera. Watak cikgu dapat menunjukkan sikap moral yang ada dalam diri kepada anak muridnya. Lakonan peserta yang memegang watak cikgu Man dapat menunjukkan sikap jujur dan sikap penyayang seseorang guru.

[mes/protopemer/gel 2/yokam/11.3.2013]

Dapatan ini membuktikan pemikiran moral yang ditunjukkan oleh murid dalam menyelesaikan konflik yang wujud di sekolah. Melalui lakonan anti-model sesi forum dan intervensi peserta menunjukkan bahawa mereka mampu membuat keputusan secara rasional sama ada sesuatu tindakan itu baik atau buruk.

Selain itu, pemikiran tentang keperluan seseorang individu, untuk mengawal tingkah laku agar sesuai dengan standard yang ditentukan oleh masyarakat juga ditunjukkan dalam temu bual mereka. Berikut ialah sebahagian temu bual tersebut:

- Penyelidik: : Mengapa perlu ada sikap menolong kawan?  
Pelajar 4: Sikap tololng kawan penting kerana,... kita nak kawan pun jadi berguna kepada kita. Kalau tak ada nilai moral... semua manusia jadi tak baik... dan tak boleh capai hasrat kerajaan.... untuk lahirkan masyarakat yang berbudi bahasa,... sopan santun, ...amanah... tak ada rasuah... jujur...dan 1 Malaysia.... .

[mes/013/temkumfokus/gel 2/12.3.13]

Pengakuan peserta kajian dalam temu bual di atas memaparkan pemikiran dan hasrat mereka untuk mempamerkan tingkah laku yang diingini oleh masyarakat. Mereka percaya nilai-nilai moral selain membentuk pemikiran positif juga dapat melahirkan masyarakat yang amanah, berbudi bahasa, dan bersatu padu. Hal ini menjadi hasrat masyarakat dan negara. Murid menyokong kepentingan tingkah laku moral yang diterima oleh masyarakat. Rujuk catatan jurnal berikut:

“Saya mesti bermoral dalam semua hal. Keseluruhan lakonan dan persembahan intervensi bertemakan masalah dalam sekolah. Saya faham pelajar perlu menghormati guru dan guru juga perlu sabar dan sayang...

[smktpg/Jur/gel 2/ 10.3.13]

Komen pemerhati dalam sesi forum (gelung ke-2), menunjukkan peserta (spect-actor) ada menyatakan bahawa sebagai pelajar Tan (watak cereka) perlu menghormati guru. Dia perlu sabar, mengawal diri dan berfikir bahawa cikgu kaunseling menegurnya untuk kebaikan dia (Tan) sendiri. Peserta kajian juga menegaskan bahawa Tan (watak cereka) sepatutnya tidak boleh makan di kelas sewaktu guru mengajar. Tan dikatakan perlu mendengar teguran guru untuk kebaikan diri sendiri.

[smktpg/protopemer /gel 2/sahnom/8.3.2013]

Manakala, dalam lakonan intervensi, menurut pemerhati, peserta dapat memaparkan pemikirannya bahawa pelajar yang mengawal diri dan mengikuti peraturan sekolah perlu dilayan dengan baik. Peserta bersetuju murid perlu ada sikap menghormati guru. Jika pelajar hendak menuntut hak, hak itu perlu dituntut dengan cara yang baik, terhormat dan tanpa menjasaskan maruah diri. Peserta berpendapat watak Tan perlu menuntut haknya dengan cara yang lebih bersopan dan bermaruah

[smktpg/ protopemer/gel 2/Nada/8.3.2013]

Oleh itu, analisis dapatan ketiga-tiga sumber dalam Gelung 2 membuktikan pelajar bersetuju bahawa seseorang individu harus mengikuti prinsip dan peraturan moral di sesuatu tempat yang telah ditetapkan oleh masyarakat. Keupayaan membuat pentafsiran yang rasional tentang tindakan yang patut dilakukan dan perlakuan yang patut dikawal serta yang harus ditolak juga menunjukkan pemikiran moral peserta kajian.

### Gelung 3

Analisis dapatan kajian untuk Gelung 3 ini, berdasarkan respon peserta yang telah melakonkan skrip E dan skrip F. Sedutan temu bual dalam gelung 3 menjadi bukti keupayaan pentafsiran dan pemikiran moral mereka. Peserta menunjukkan mereka begitu yakin membuat tafsiran tentang perlakuan moral yang benar dan perlakuan yang salah. Selain itu peserta juga mampu menyatakan alasan dan rasional sesuatu tingkah laku itu patut dilakukan atau tidak. Data temu bual kajian membuktikan keadaan ini.

Penyelidik: Bagaimana lakonan mengembangkan aspek pemikiran moral kalian?

Pelajar 5: Boleh jadikan kita lebih matang...lebih berfikiran positif..Dalam lakonan anti-model watak ayah macam garang dan tidak mahu dengar pendapat anaknya.....Saya sebagai ayah tidak patut berkelakuan begini...Tetapi dalam lakonan intervensi saya mengubah keadaan ini. Saya menjadi ayah yang bersikap baik hati, tidak terlalu garang kepada anak...Saya pentingkan keamanan keluarga...

[mes/015/temkumfokus/gel 4/9.4.13]

Sedutan temu bual di atas, memperlihatkan pemikiran moral yang didukung oleh peserta. Peserta mampu membuat keputusan tentang tindakan yang betul dan sesuai dalam kehidupan keluarga dan masyarakat. Mereka juga boleh analisis dan mengkritik tingkah laku yang tidak betul, malahan juga mengkritik sikap negatif diri sendiri secara rasional.

Analisis data catatan jurnal dan pemerhatian menyokong perkembangan pemikiran moral yang munasabah oleh peserta kajian. Berikut ialah catatan jurnal salah seorang peserta kajian, dalam gelung ke-3 kajian ini.

“Lakonan sebagai ayah membolehkan saya berfikiran secara positif. Saya dapat memikirkan bahawa, sebagai watak ayah, saya perlu pandai bertindak untuk kebaikan anak saya. Saya tidak boleh terlalu garang... dan saya perlu fikir baik”..

[mes/Jur/gel 3/9.4.13]

Dapatan pemerhatian sesi forum dan intervensi (gelung ke-3) menunjukkan keupayaan pentafsiran dan pemikiran moral murid. Berikut ialah bukti pemerhatian sesi forum seperti yang digambarkan oleh seorang pemerhati. Menurut beliau, peserta menyatakan bahawa ibu bapa (watak cereka) harus bersifat rasional dan bertimbang rasa terhadap pendapat yang diberikan oleh anak mereka. Peserta kajian mendakwa anak-anak juga ada minat tersendiri. Ibu bapa harus menunjukkan sikap sabar dan sederhana dalam menangani masalah anak mereka. Bapa harus mengelakkan sifat panas baran, dan sikap keterlaluan semasa berbincang dengan anak mereka.

[smktpg/ protopemer/gel 3/shahnom /10.4.2013]

Pemerhatian lakonan intervensi juga menunjukkan sifat ayah yang bertimbang rasa, sabar dan mampu menangani pendapat yang diberikan oleh anak dengan baik. Pelajar yang melakonkan watak ayah dapat menunjukkan sifat ayah sebagai seorang yang bermoral, dengan menasihati anaknya.

[smktpg/ protopemer/gel 3/shahnom /10.4.2013]

Ketiga-tiga sumber dalam Gelung 3 ini membuktikan keupayaan peserta membuat pentafsiran daripada situasi yang diberi untuk menentukan tingkah laku yang baik dan betul.

Selanjutnya, peserta juga boleh berfikir secara rasional bahawa, pengalaman dalam Teater forum dapat digunakan untuk menghadapi masa depan dengan baik. Peserta mendakwa tingkah laku yang dipaparkan perlu berdasarkan kerasionalan yang boleh diterima semua. Jenis tingkah laku merujuk kepada tingkah laku yang berdasarkan prinsip-prinsip yang diterima secara rasional, iaitu sebab penerimaan itu difahami dan dirasakan berpatutan. Hal ini dibuktikan dalam temu bual ini.

Penyelidik: Konflik atau isu ini berguna tak dalam kehidupan harian?

Pelajar 6: Boleh macam... situasi dalam konflik rumah ...berikan pengalaman...dan bantu kami menjadi anak yang baik,... berhemah tinggi dan... mendengar nasihat orang lain...jadikan pelajar bermoral. Kita faham anak-anak tidak boleh lawan cakap ibu bapa, sebab ibu bapa menjaga kita sejak kecil....Walaupun anak ada minat sendiri, macam menyanyi...minat itu harus disetujui oleh ibu bapa juga...

[mes/015/temkumfokus/gel 3/9.4.13]

Catatan jurnal juga membuktikan, para peserta mempunyai pemikiran moral yang benar tentang sesuatu situasi yang dipaparkan. Salah seorang peserta mencatatkan bahawa:

“ dalam lakonan intervensi, saya sebagai adik yang mempunyai cita-cita telah berkelakuan sopan dan berbincang dengan ayah secara baik-baik. Saya ada tunjukkan saya anak yang bermoral dengan tidak melawan cakap ayah. Saya hormati ayah”.

[Smktpg/Jur/gel 3/12.4.13]

Pemerhatian yang dijalankan dalam gelung 3 (skrip E) semasa sesi forum dan intervensi juga membuktikan peserta dapat menunjukkan pemikiran moral yang munasabah. Menurut seorang pemerhati (dalam sesi forum), peserta ada menyatakan bahawa watak adik perlu membincangkan cita-citanya kepada keluarga dengan cara yang bersopan dan tidak menyinggung perasaan mereka. Para peserta mahu watak adik mendapatkan persetujuan daripada keluarga dengan cara yang harmoni tanpa menjelaskan hubungan ibu bapa dan anak.

[smkbtg/ protopemer /gel 3/ros /5.3.2013]

Manakala dalam lakonan intervensi, para peserta dapat menunjukkan pemikiran watak ibu dan ayah yang menghormati cita-cita watak anak dan mereka mendengar penjelasan anak mereka dengan fikiran terbuka. Watak ibu dan ayah juga memberikan nasihat yang menunjukkan mereka mengambil berat akan masa depan anak mereka.

[smkbtg/ protopemer/ gel 3/ros /5.3.2013]

Analisis data ketiga-tiga sumber menunjukkan, peserta faham akan pentingnya memberi pertimbangan yang rasional kepada hak anggota keluarga yang lain. Selain itu, pemikiran tentang kuasa dan hak yang ada pada ibu bapa terhadap anak-anak juga ditunjukkan. Anak-anak pula tidak boleh menentang hak ibu bapa demi kepentingan diri sendiri. Dalam apa juga keadaan anak-anak tidak boleh semata-mata cuba mendapatkan keistimewaan bagi diri sendiri.

Selanjutnya, para peserta juga memaparkan pemikiran tentang tingkah laku yang sesuai dengan tatususila serta peraturan masyarakat. Peserta kajian menunjukkan kepentingan mengamalkan tingkah laku dan perbuatan yang tidak bertentangan dengan peraturan masyarakat. Hasil temu bual di bawah menunjukkan kepentingan mengamalkan tingkah laku dan peraturan yang ditentukan oleh masyarakat:

Penyelidik: Jika mengajar menggunakan teater forum saja, awak semua boleh terima ?

Pelajar 5: Boleh,... tapi cikgu kena banyakkan lakonan intervensi agar pelajar dapat ambil seperti nilai-nilai moral positif..., macam kasih ayang...., tolong-menolong,... rasional,... tolak ansur... dan lain-lain...kalau banyak anti-model takut pelajar terikut-ikut dengan situasi negatif.

[smktpg/016/temkumfokus/gel 3/2.4.13]

Seterusnya, catatan jurnal peserta memaparkan pengukuhan dalam pemikiran moral mereka. Petikan catatan jurnal berikut ialah bukti, pengukuhan pemikiran moral mereka:

“Selepas lakonan intervensi saya berjanji akan sentiasa mahu bekerjasama dengan keluarga saya di rumah. Saya mahu hidup berbaik-baik dengan ibu bapa, adik-adik dan kakak saya. Saya mahu tolong adik mengajar dia buat kerja rumah”

[smktpg/Jur/gel 3/12.4.13]

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan dalam sesi forum dan intervensi (gelung 3, skrip E), didapati peserta kajian memaparkan pemikiran bahawa setiap tindakan yang diambil oleh manusia perlu sesuai dengan peraturan masyarakat. Menurut seorang pemerhati (dalam sesi forum), peserta ada memberikan cadangan bahawa, anggota keluarga seperti adik dan kakak perlu menghormati pendapat dan cita-cita anggota keluarga yang mahu menjadi penyanyi. Peserta juga memberikan alasan bahawa cita-cita dan minat seseorang itu berbeza. Oleh itu, anggota keluarga tidak boleh merendah-rendahkan cita-cita mereka selagi minat itu tidak bertentangan dengan nilai hidup manusia.

[mes/ protopemer/ gel 3/yoka /8.4.2013].

Manakala dalam lakonan intervensi peserta membuktikan bahawa watak ibu dan ayah menunjukkan sikap prihatin, sabar, sederhana dan rasional semasa membincangkan cita-cita yang diberitahu oleh anaknya. Mereka memberikan kelebihan dan kekurangan yang ada dalam bidang nyanyian, agar anaknya boleh berfikir sebelum bertindak memilih bidang nyanyian. Watak Ibu dan bapa bersifat lebih profesional.

[mes/ protopemer/gel 3/yoka /8.4.2013]

Analisis dapatan membuktikan pemikiran peserta yang ada kebebasan dalam memilih dan menentukan jenis tindakan yang dianggap bermoral. Setiap individu juga mempunyai autonomi dalam pemilihan kerjaya asalkan kerjaya itu tidak bertentangan dengan nilai hidup masyarakat.

## Rumusan Dan Kesimpulan

Justeru, dapatan daripada ketiga-tiga gelung kajian bagi tema pemikiran moral yang munasabah menunjukkan peserta mempunyai kebolehan berfikir secara rasional dan logik. Aspek ini menjadi asas perkembangan penaakulan moral seseorang individu. Ciri-ciri seperti kerasionalan, pentafsiran dan pemikiran tentang perlunya tingkah laku moral yang terkawal telah mendasari

proses pemikiran moral yang munasabah dalam kalangan peserta kajian. Pemikiran moral yang munasabah menjadi langkah awal proses penaakulan.

Penaakulan yang dikuasai oleh murid tingkatan empat dalam konteks kajian ini lebih kepada mendedahkan cara bagaimana seseorang individu bertindak untuk melakukan sesuatu perbuatan. Hal ini bermaksud, aspek penaakulan yang diperlihatkan oleh murid lebih menumpukan perhatian kepada keupayaan murid dalam mempertimbangkan cara terbaik bagi menyempurnakan sesuatu tindakan dalam situasi yang diberi.

Justeru, dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian Chang (1998, 2007) dan (Colby & Kohlberg, 2011) bahawa respons terhadap situasi yang berstruktur oleh murid (dalam konteks kajian ini, empat langkah dalam Teater Forum) dapat mencungkil tahap tertinggi pemikiran khususnya tahap pertimbangan dan penaakulan moral murid. Jelasnya Teater Forum mampu mengembangkan aspek penaakulan moral murid tingkatan empat.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan teknik Teater Forum dapat digunakan untuk mengembangkan kemahiran kognitif seperti pemikiran, penaakulan, pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kemahiran ini perlu bagi setiap murid untuk mendepani cabaran yang akan ditempuh dalam kehidupan dewasa, agar mereka dapat menyelesaikan konflik secara harmoni dan bijak membuat pertimbangan. Selain itu, kemahiran ini juga membantu murid berpegang kepada prinsip ketika berada dalam situasi yang kritikal, berani melakukan sesuatu yang betul serta berfikir secara kritis di luar konteks akademik seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

## Rujukan

## Muallim Journal of Social Science and Humanities


1. Chang, L. H. (1998). *Moral reasoning of malaysian students: A study of choices of action, values and orientations of 16 year-old students*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Macquarie.
2. Vishalache Balakrishnan. (2011). *Real-life dilemmas in moral education*. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press.
3. Kementerian Pelajaran Malaysia. (2000). *KBSM Moral Education syllabus (Sukatan pelajaran pendidikan moral kbsm)*. Curriculum Development Center, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. Wong, N. K., Karthiyani Shanmugam., Chong, Y. F., Chew, W. W., Kong, L. F., & Siti Sazifa Sheikh Sahip. (2011). *Moral Education (Pendidikan moral)*. Petaling Jaya: Cengage Learning Asia.
5. Lickona, T. (1996). Eleven principles of effective character education. *Journal of Moral Education*, 25(1), 93-100.
6. Freire, P. (1972). *Pedagogy of the oppressed*. Great Britain: Penguin Books.
7. Roche, M. (2011). Creating a dialogical and critical classroom: reflection and action to improve practice. *Educational Action Research*, 19(3), 327-343.

8. Kincheloe, J. (2008). *Knowledge and critical pedagogy: and introduction*. Amsterdam, The Netherlands: Springer.
9. Boal, A. (2006). *The aesthetics of the oppressed*. Oxford, UK: Routledge.
10. Abdul Rahman Md. Aroff, & Chang, L. H. (1994). *Moral Education: Teachers Dynamic (Pendidikan moral: dinamika guru)*. Petaling Jaya: Longman Malaysia.
11. Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). *Description of Form Four KBSM Moral Education syllabus (Huraian sukanan pelajaran pendidikan moral kbsm, tingkatan empat)*. Curriculum Development Center, Kuala Lumpur: Dewa Bahasa dan Pustaka.
12. Kemmis, S., & McTaggart, R. (1988). *The action research planner*. Geelong, Victoria, Australia: Deakin University Press.




**LAMPIRAN A**

Model Insan Menyeluruh



Rajah 1: Model Insan Menyeluruh.


Sumber. Diubahsuai daripada Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM,  
Tingkatan Empat (2004)<sup>11</sup>.

**LAMPIRAN B**
**Prosedur Kajian Tindakan**


Rajah 2: Model Kajian Tindakan (Sumber: diubahsuai daripada Kemmis & McTaggart, 1988)<sup>12</sup>

**LAMPIRAN C**

**Proses Pemikiran Moral Pelajar**



Rajah 3: Ciri-ciri dalam proses pemikiran moral murid